

daerah Pitas
dilanda banjir

banjir di Johor
ditempatkan di 2 PPS

banjir di Pahang
ditempatkan di 5 PPS

[FOTO MOHD SAH MUDA/BH]

[FOTO IHSAN APM]



Pegawai Khas Ahli Parlimen Mersing, Mohd Youzaimi Yusof (tiga dari kiri) melawat mangsa banjir di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Tenglu, Mersing.



Anggota APM membantu memindahkan penduduk kampung yang terbanjir di sekitar daerah Pitas.

Pitas, Mersing bah

➔ Banjir di Raub pulih, pusat pemindahan ditutup

Oleh Suzianah Jiffar, Nurul Amanina Suhaini, Shahrinnahar Latib dan Kandau Sidi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Enam sekolah ditutup, manakala sembilan kampung di daerah Pitas, Sabah terjejas akibat banjir susulan hujan lebat sejak petang kelmarin.

Difahamkan, setakat ini penduduk Kampung Rukom Ulu sudah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di dewan Sekolah Kebangsaan (SK) Rukom sejak pagi semalam.

Lapan lagi kampung yang terjejas ialah Salim-

podon Darat, Sibaung, Kebatasan Laut, Sulakolung Kanibongan, Kutoyon Kanibongan, Masin Besar Kanibongan, Kanibongan dan Mandamai.

Enam sekolah ditutup

Pegawai Daerah Pitas, Bubungan OT Majalu, berkata enam sekolah ditutup ialah SK Kanibongan, SK Dalas, SK Kusilad, SK Sosop, SK Pandan Mendamai serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kanibongan.

Di Johor, daerah Mersing mula dilanda banjir apabila sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Balai Raya Kampung Tenglu Besar, dibuka pada jam 12 tengah hari.

EXCO Alam Sekitar, Kesihatan, Penerangan dan Pendidikan negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata setakat jam 1 petang, jumlah keseluruhan seramai 71 mangsa daripada 19 keluarga, termasuk mangsa di Segamat yang ditempatkan di dua PPS.

"Paras air Sungai Bekok di Empangan Bekok dan Sungai Sembrong di Batu Pahat, selain Sungai Muar

di Kampung Awat, Segamat, masing-masing melebihi paras air berjagajaga, iaitu 15.96 meter, 10.04 meter dan 18.97 meter.

"Paras air Sungai Lenik di Ladang Chaah, Segamat pada paras bahaya, iaitu 6.00 meter.

"Paras air Sungai Endau, Mersing dan Sungai Muar di Buluh Kasap, Segamat, masing-masing melebihi paras air amaran, iaitu 8.76 meter dan 8.53 meter," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Cuaca baik

Di Pahang, banjir di daerah Raub pulih selepas keadaan cuaca baik sejak semalam membolehkan semua mangsa yang berpindah akibat banjir sejak Selasa lalu, kembali ke rumah masing-masing.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Kolonel (PA) Zainal Yusoff, semua pusat pemindahan sudah ditutup dan keluarga terakhir yang pulang ialah daripada PPS di Masjid Jamek Kuala Semantan jam 8.30 pagi semalam.



WATCHES OF S Repair

Jam tangan yang mahal seharusnya dikendalikan tahun 2001, Kedai-kedai Rantaian Seheni kami telah Kami membaiki pulih jam tangan kepada

SUBANG • Lot P02b, EMPIRE SHOPPING GALLERY

BANGSAR • Lot LG-3d, BANGSAR VILLAGE, BANGSAR

PETALING JAYA • Lot LG 36, TROPICANA CITY

DAMANSARA • Lot F08, ROYAL LONDON, ATRIA

AMPANG • Lot LG 13, GREAT EASTERN MALL (arah

KUALA LUMPUR • Lot LG2-08, QUILL CITY MALAYSI

► PUSAT PANGGILAN: 03-7662 3386 ► DIB